

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG  
[ Kampar ]**

**SOALAN NO. 74**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dan/atau dicadangkan untuk memperkasakan dan meletakkan SPRM, SPR dan SUHAKAM di bawah Parlimen dalam usaha menyeluruh penstrukturkan semula Jabatan Perdana Menteri.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Antara usaha Kerajaan bagi memperkasakan SPRM, SPR dan SUHAKAM adalah berkaitan pelantikan jawatan-jawatan utama yang mestilah disahkan oleh jawatankuasa yang bersesuaian di Parlimen dalam usaha mengembalikan kewibawaan institusi tersebut. Perkara ini juga selaras dengan salah satu cadangan penambahbaikan oleh *Institutional Reforms Committee* (IRC) iaitu dicadangkan supaya *Public Appointment Bill* digubal untuk urusan pelantikan dilaksanakan melalui prinsip akauntabiliti dan transparensi.
2. Pihak SPRM telah membentangkan inisiatif memperkasa SPRM semasa Mesyuarat JKKMAR Siri 3 Bilangan 3 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 13 Ogos 2018 termasuklah supaya pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM hendaklah atas pertimbangan *Parliamentary Select Committee* (PSC). Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), SPRM dan Kementerian Kewangan menyusul semua syor serta pandangan ahli mesyuarat bagi mengkaji implikasinya sebelum diluluskan.
3. Pihak Parlimen juga dalam Mesyuarat JKKMAR Siri 3 Bilangan 3 Tahun 2018 yang sama telah membentangkan perkara berkaitan Manifesto Kerajaan iaitu Janji 16: Mengembalikan Wibawa Institusi Parlimen. Antara perkara yang dibangkitkan adalah bahawa cadangan membentuk jawatankuasa di peringkat Parlimen untuk mengesahkan pelantikan jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam atau negara memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan (PP). Sebagai contoh, Perkara 144 (1) PP memperuntukkan SPR hendaklah

dilantik oleh SPB Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

4. Oleh yang demikian, mesyuarat bersetuju supaya kajian lanjut perlu dibuat oleh Parlimen secara terperinci bersama Jabatan Peguam Negara terhadap semua cadangan Janji 16 tersebut termasuklah yang berkaitan pelantikan jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam ini.
5. Sehingga kini, terdapat 6 Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah diluluskan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 16 Ogos 2018 dan ditubuhkan di Parlimen seperti berikut:
  - a) JPK Hubungan Antara Negeri-negeri dan Persekutuan
  - b) JPK Untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam
  - c) JPK Menimbang Rang Undang-undang
  - d) JPK Bajet
  - e) JPK Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri
  - f) JPK Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender

Sekian, terima kasih.